

12 MAR 2003

Parlimen-SAR

ISU SAR GAMATKAN SESI PERBAHASAN DEWAN RAKYAT

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Sesi perbahasan persidangan Dewan Rakyat berhubung isu Sekolah Agama Rakyat (SAR) petang ini menjadi medan pertengkaran antara Ketua Pembangkang, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan beberapa penyokong kerajaan.

Suasana tegang bermula apabila Mahfuz Omar (PAS-Pokok Sena) bangkit mencelah perbahasan Abdul Hadi dengan menyatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail telah "dilibatkan sama" dengan pemimpin Barisan Nasional (BN) dalam isu berhubung SAR.

Mahfuz mendakwa pemimpin-pemimpin BN telah mengheret Yang di-Pertuan Agong dengan membawa isu penyelewengan SAR seperti yang sering dihujah oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Titah ucapan Yang di-Pertuan Agong ini ditulis oleh pemimpin BN sebab perkara ini (SAR) belum disahkan oleh Majlis Raja-raja Melayu," katanya.

Semasa perbahasan, Abdul Hadi berkata titah ucapan Seri Paduka yang menyebut bahawa kerajaan tidak mahu membantu sekolah yang mengajar Islam yang didapati menyeleweng adalah satu dakwaan berat yang mesti dibahaskan.

Sejurus itu, Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Mohd Shafie Apdal bangun melahirkan rasa tidak puas hati bagi pihak kerajaan.

"Apa yang diperkatakan ini memperkecil-kecilkan Tuanku," katanya.

Tindakan Mohd Shafie itu, bagaimanapun, ditempelak beberapa anggota-anggota pembangkang yang berkata bahawa beliau tidak sepatutnya mencelah atau berucap meminta penjelasan kerana ia adalah giliran Ketua Pembangkang.

Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat Datuk Lim Si Cheng berulang kali menegur tetapi tidak diendahkan oleh wakil kedua-dua pihak yang tidak berpuashati.

Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar (BN-Larut) bangun menggunakan Peraturan Mesyuarat 33(6) mengenai ucapan tidak boleh dikaitkan dengan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja.

Suasana dalam dewan menjadi semakin hangat apabila Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Datuk Mahadzir Mohd Khir (BN-Sungai Petani) bangun menafikan dakwaan bahawa kerajaan menerima arahan Amerika Syarikat untuk menutup SAR berikutan kemunculan golongan ekstremis dan militan serta menjelaskan bahawa kerajaan tidak pernah berniat untuk menutup SAR.

Abdul Hadi turut mendakwa kerajaan telah merampas memorandum PAS berhubung isu SAR kepada Majlis Raja-raja yang bermesyuarat hari ini dan esok.

"Isu penutupan SAR adalah jenayah akidah dan masa depan anak-anak masyarakat Islam negara ini," katanya.

Tindakan Abdul Hadi membuatkan ramai lagi anggota Parlimen penyokong kerajaan bangun dan menyebabkan suasana dalam dewan bising, memaksa Lim mengarahkan semua anggota diam dan memberi amaran akan menggunakan kuasanya jika mereka engkar.

Waktu persidangan yang telah tamat ketika itu, memaksa Lim melanjutkan masa 15 minit bagi membolehkan Abdul Hadi menyudahkan ucapannya.

Persidangan dewan disambung esok.

-- BERNAMA

FA MHI HS MAI